

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED
SADIQUE [KOTA TINGGI]**

SOALAN NO. 156

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah solusi terkini berkaitan isu pinjaman semula pembiayaan pinjaman PTPTN dan sehingga kini berapakah kutipan bayaran balik yang berjaya diterima.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berkenaan solusi terkini PTPTN, proses konsultasi rakyat telah dilaksanakan melalui penerbitan Kertas Konsultasi Rakyat (KKR) mulai 16 Mei sehingga 13 Jun 2019 bagi mendapatkan cadangan serta pandangan rakyat.

Dapatan daripada KKR akan diperhalusi oleh satu Panel Penasihat Khas bagi mengenalpasti cadangan terbaik yang akan digunapakai sebagai mekanisme pembayaran balik PTPTN, seterusnya akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan.

Secara keseluruhan, sebanyak RM22.33 bilion bayaran balik pinjaman telah diterima sehingga 31 Mei 2019, termasuk sebanyak RM939.56 juta yang diterima bagi tahun 2019 sehingga bulan Mei.